

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) apakah polisi perlindungan yang sedia ada bagi pelajar sekolah seperti Ain Husniza dalam isu keganasan berdasarkan gender termasuk gangguan seksual di sekolah ; dan
- (b) apakah mekanisme serta polisi Kerajaan terhadap guru-guru, staf sokongan dan pelajar-pelajar untuk menangani masalah gangguan seksual dan jenaka rogol supaya tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

KPM sentiasa komited untuk memastikan persekitaran sekolah adalah selamat. Bagi pencegahan gangguan seksual di sekolah, KPM melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melaksanakan intervensi dengan menggunakan Modul Intervensi Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Sekolah (IHSAN). Modul ini antara lain, memberi pemahaman serta meningkatkan kesedaran murid berkaitan jenayah seksual.

Program kesedaran berterusan turut dilaksanakan oleh KPM dengan kerjasama agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam

menyebarluaskan maklumat psikopendidikan, kesihatan reproduktif dan ancaman gangguan seksual.

Selain itu, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di semua sekolah KPM turut memainkan peranan untuk memastikan keselamatan murid-murid termasuk salah laku jenayah seperti gangguan seksual dan masalah disiplin sentiasa dipantau. PPS mengadakan lawatan ke sekolah sebanyak 2 kali sebulan bagi memberikan ceramah berkaitan pencegahan jenayah kepada murid dan juga sebaran maklumat di papan kenyataan PPS yang disediakan di semua sekolah.

Sekiranya berlaku sebarang kejadian gangguan seksual melibatkan murid, Guru Bimbingan dan Kaunseling akan memainkan peranan untuk memberi sokongan kepada murid melalui sesi kaunseling bagi memastikan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan serta kebajikan murid terjaga.

Sekiranya pelaku adalah penjawat awam dan didapati bersalah, maka tindakan tatatertib akan dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993). Pelaku tersebut juga boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Kanak Kanak 2001 ataupun di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792).

Mana-mana guru yang dilaporkan terlibat kesalahan gangguan seksual boleh diambil tindakan tatatertib ke atasnya. Pegawai yang sedang dalam prosiding tidak akan dipertimbangkan untuk urusan kenaikan pangkat sehingga dibebaskan daripada pertuduhan/selesai hukuman tatatertib.

Pegawai yang didapati bersalah boleh dijatuhkan hukuman seperti amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh penggerakan gaji, turun gaji, turun pangkat ataupun dibuang kerja. Bagi pegawai yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib dalam satu pertuduhan tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keluaran i-Sinar dari Tabung KWSP sepanjang pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, i-Sinar adalah salah satu program pengeluaran khas yang diperkenalkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membantu ahli meneruskan kelangsungan hidup dalam menempuh cabaran dan impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.
2. i-Sinar membolehkan ahli yang berumur di bawah 55 tahun mengeluarkan sebahagian simpanan dalam Akaun 1 dengan amaun kelayakan tertakluk kepada baki simpanan Akaun 1. Bagi ahli yang mempunyai baki simpanan Akaun 1 sebanyak atau kurang dari RM100,000.00, kelayakan pengeluaran adalah sehingga RM10,000.00. Manakala bagi ahli yang mempunyai baki simpanan lebih RM100,000.00 di dalam Akaun 1, kelayakan pengeluaran adalah sehingga 10% atau maksimum RM60,000.00. Baki minimum sebanyak RM100.00 perlu dikekalkan dalam Akaun 1. Pembayaran bagi i-Sinar adalah dibuat dalam tempoh sehingga 6 bulan.
3. Tempoh permohonan i-Sinar berkuatkuasa adalah selama 6 bulan iaitu dari Januari 2021 sehingga Jun 2021. Dalam tempoh itu, sejumlah 6.57 juta permohonan telah diluluskan dengan amaun pengeluaran sebanyak RM58.78 billion.
4. Sehingga 31 Ogos 2021, di bawah pengeluaran i-Sinar sebanyak RM58.50 billion atau 99.5 peratus telah dikreditkan kepada ahli manakala baki berjumlah RM0.28 billion akan dikreditkan berdasarkan jadual bayaran yang telah ditetapkan sehingga Disember 2021.

Sekian, terima kasih.